

14/06/2002

MyKad baru tawar khidmat Touch `n Go

Mohd Hamizar Hamid

PETALING JAYA, Khamis - Kad Pintar Pelbagai Guna Kerajaan (MyKad) menawarkan perkhidmatan bayaran secara elektronik Touch `n Go, mulai Julai ini.

Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Datuk Azizan Ayob, berkata buat permulaan perkhidmatan itu akan dilaksanakan di Lembah Klang sebelum diperluaskan ke kawasan lain secara berperingkat dan dijangka meliputi seluruh negara tahun depan.

"Pemohon baru MyKad akan ditawarkan perkhidmatan itu tanpa bayaran tambahan, dengan hanya membayar RM20 untuk permohonan MyKad," katanya di pejabatnya di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Operasi Syarikat Rangkaian Segar Sdn Bhd, Swinder Grewal.

Azizan berkata JPN mengambil langkah itu bagi memastikan MyKad mempunyai pelbagai fungsi, termasuk sebagai kad transit selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Usaha ini juga ke arah mewujudkan sistem tiket bersepadu bagi pelbagai perkhidmatan di negara ini," katanya.

Azizan berkata, perkhidmatan Touch `n Go itu untuk pemohon MyKad yang baru, manakala pemegang kad sedia ada perlu memohon kad baru untuk mendapat perkhidmatan itu.

MyKad yang mempunyai aplikasi Touch `n Go akan mempunyai logo Touch `n Go di penjuru bawah sebelah kiri di belakang kad yang menggunakan cip yang berlainan, katanya.

JPN memilih Touch `n Go sebagai aplikasi baru untuk MyKad kerana ia boleh digunakan untuk pelbagai bayaran bagi memudahkan orang ramai, selain mempunyai infrastruktur yang stabil.

Pemegang MyKad yang mempunyai aplikasi Touch `n Go boleh memasukkan wang untuk perkhidmatan itu di ejen yang dilantik oleh Syarikat Rangkaian Segar Sdn Bhd, termasuk ATM Bank Bumiputra of Commerce (BCB), kaunter Putra LRT, kaunter stesen bas dan stesen minyak Petronas, katanya.

Dengan perkhidmatan Touch `n Go, pemilik MyKad boleh menggunakan kad itu untuk membayar tol di hampir semua lebuhraya serta di lorong "Smart Tag".

Selain itu ia mempunyai kemudahan untuk membayar tiket bas Cityliner dan bas pengantara Putra Line serta sistem transit aliran ringan Putra LRT.

Touch `n Go juga adalah sistem yang dipilih sebagai platform bagi mewujudkan sistem tiket bersepadu untuk pengangkutan awam dalam kawasan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Azizan berkata JPN juga sedang menjalankan kajian bagi menambah maklumat yang boleh dimuatkan ke dalam "MyKad" termasuk sijil kelahiran.

Bagaimanapun, katanya, maklumat sijil kelahiran memerlukan JPN menambah "memory chip" yang lebih besar iaitu dari 32K yang digunakan sekarang kepada 64K, yang mana kos bayaran kad terpaksa dinaikkan tetapi tidak banyak beza dengan bayaran sekarang.

Beliau berkata, JPN juga sedang mengkaji untuk mewujudkan "combi chip" bagi memudahkan kemasukan segala aplikasi kad itu dalam satu cip, berbanding sekarang ia perlu menggunakan dua cip, iaitu "contactless chip" untuk perkhidmatan Touch `n Go dan "contact chip" bagi maklumat diri pemilik.

(END)